

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA**  
**BIL. 1/2008**

---

Tarikh : 5 Mei 2008.  
Masa : 3.00 petang.  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,  
Ibu Pejabat Jabatan Laut,  
Pelabuhan Klang.

**Senarai Kehadiran:**

- |     |                                   |  |
|-----|-----------------------------------|--|
| 1.  | Dato' Kapt. Ahmad bin Othman      | Ketua Pengarah Laut<br>(Pengerusi)   |
| 2.  | En. Baharin bin Dato' Abdul Hamid | Timbalan Ketua Pengarah Laut<br>(Wakil Pengurusan Kualiti)                   |
| 3.  | Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail   | Pengarah Bahagian<br>Kawalan Industri  |
| 4.  | En. Noor Ariff bin Yusoff         | Pengarah Bahagian<br>Keselamatan Pelayaran                                   |
| 5.  | En. Roslee bin Mat Yusof          | Pengarah Laut Wilayah<br>Utara   |
| 6.  | Kapt. Jailani bin Jalal           | Pengarah Laut Wilayah<br>Tengah  |
| 7.  | En. Hazman bin Hussein            | Pengarah Laut Wilayah Selatan  |
| 8.  | Hj. Abdul Aziz bin Muhamud        | Pengarah Laut Wilayah<br>Persekutuan Labuan & Laut<br>China Selatan          |
| 9.  | En. Khairudin bin Abbas           | Timbalan Wakil Pengurusan<br>Kualiti/Pengarah Bahagian<br>Khidmat Pengurusan |
| 10. | Hj. Ramlie bin Ahmad              | Wakil Pengarah Bahagian Hal<br>Ehwal Pelaut dan Pelabuhan                    |
| 11. | En. Benjamin Bernard Bijion       | Pengarah Laut Sabah  |
| 12. | Hj. Wan Enduk b. Wan Saleh        | Pengarah Laut Sarawak  |

13. En. Rosnan b. Fathlal Pengarah Institut Latihan  
Pentadbiran & Pengurusan  
Pengangkutan Laut

14. En. Yusnan Abdul Rani Urusetia

**1. Perutusan Pengerusi.**

1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah serta wakil ke mesyuarat ini.

1.2 Tuan Pengerusi juga memohon maaf kerana menangguhkan mesyuarat beberapa kali kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

**2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.**

2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

**3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 1/2007.**

3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 1/2007 yang telah diadakan pada 16 Mac 2007 disahkan tanpa pindaan.

**4. Perkara-perkara Berbangkit.**

4.1 Latihan kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan proses Pendaftaran Kapal telah dilaksanakan yang mana 2 kursus berkenaan Tatacara & Familiarisasi Pendaftaran Kapal telah di adakan di Kuala Terengganu dan Kota Kinabalu, Sabah masing-masing pada 5 - 7 Jun 2007 dan 2 - 6 Julai 2007. Manakala Kursus Pengenalan kepada Prosedur Tunjang ISO 9001:2000 kepada Pejabat Pelabuhan Daftar Kota Kinabalu telah di adakan pada 6 - 10 Ogos 2007.

**Tindakan: Makluman.**

4.2 Unit Pendaftaran Kapal telah mengambil kira berkenaan perekodan Buku Daftar Kapal (Buku Besar) yang mana boleh dipermudahkan melalui sistem aplikasi Pendaftaran Kapal. Terkini, Unit Pendaftaran Kapal sedang dalam peringkat akhir terhadap implikasi kewangan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi di bawah Bahagian Kawalan Industri dan pelaksanaan prosedur ini diperingkat Pejabat pelabuhan Daftar Wilayah serta permohonan "online" untuk perbincangan dan kelulusan Pendaftar Besar Kapal-Kapal Malaysia.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

- 4.3 Pengarah Bahagian Kawalan Industri memaklumkan bahawa permohonan pendaftaran kapal secara "online" masih belum dilaksanakan kerana tumpuan diberikan kepada LIYR dan MISR. Tuan Pengurus meminta supaya Bahagian Kawalan Industri mengkaji dari segi perundungan samada ia boleh dilaksanakan atau sebaliknya. Jika tiada masalah Tuan Pengurus meminta supaya permohonan pendaftaran kapal secara "online" dilaksanakan.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

- 4.4 (a) Perbincangan telah dilakukan di antara Penasihat Undang-Undang (PUU), Puan Farhatun Abdul Samat dan Bahagian Kawalan Industri dan keputusan yang dicapai adalah setiap deraf peraturan tersebut perlu disediakan secara berasingan menurut OPS 1952.
- (b) Walaubagaimanapun, setelah PUU tersebut berpindah Jabatan, pengganti PUU yang baru telah dimaklumkan dan beliau meminta diberi tempoh untuk menyemak dan mengkaji deraf peraturan tersebut.
- (c) Berkenaan pelaksanaan VDR untuk kapal-kapal penumpang yang beroperasi di laluan antarabangsa, *Regulation 20 Chapter V of SOLAS 1974 and Amendments*, pihak Kerajaan Malaysia berhak untuk memberi pengecualian kepada kapal-kapal ini yang berdaftar di Malaysia untuk tidak memasang peralatan ini.
- (d) Tuan Pengurus meminta supaya Bahagian Kawalan Industri dapat menyelesaikan perkara ini pada tahun ini.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.**

- 4.5 (a) Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan akan menjalankan sesi ceramah kepada Pusat Latihan Maritim dalam tahun 2008 selepas Garispanduan Akreditasi Institut Latihan mendapat kelulusan.
- (b) Kursus Pengukuhan Prosedur ISO 9001 :2000 bagi Proses Utama Sistem Perakuan Pelaut telah dijalankan sebanyak 3 sesi iaitu 1-3 Ogos 2007 (Kuching), 22 Ogos 2007 (Melaka) dan 26-28 November 2007 (Miri).
- (c) Jabatan Laut Wilayah Utara dan Timur juga telah menjalankan kursus Persijilan Pelaut di peringkat wilayah dan menjemput pegawai dari BHEPP sebagai penceramah.

**Tindakan: Makluman.**

- 4.6 (a) Pada akhir tahun 2007 jumlah pengeluaran CoC adalah sebanyak 2,407 (82.18%). Angka ini tidak mencapai objektif kualiti yang ditetapkan 30 hari tempoh pengeluaran. Ini kerana tempoh

penghantaran dari pejabat wilayah mengambil masa yang panjang dan terdapat permohonan yang tidak lengkap.

(b) Pengeluaran Sijil Kursus Modular pada tahun 2007 adalah sebanyak 7,941 (96.32%). Angka ini tidak mencapai objektif kualiti yang ditetapkan iaitu 7 hari bekerja. BHEPP bercadang supaya pengeluaran sijil kursus modular dipertanggungjawabkan kepada ALAM (khas untuk kursus yang dijalankan oleh ALAM sahaja).

**Tindakan:** Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

- 4.7 Kontrak telah ditandatangani pada 31.12.2007 antara Jabatan Laut dengan ATSB bagi projek menaiktaraf stesen pemancar DGPS di Kuantan dan Melaka manakala stesen di Lumut dipindahkan ke Bagan Datoh. Projek dijangka siap pada 22.9.2008. Pihak kontraktor telah memohon untuk melanjutkan tempoh kontrak selama 3 bulan.

**Tindakan:** Makluman.

- 4.8 Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.

4.8.1 Unit Pengurusan Keselamatan Kapal telah menghantar juruaudit kanan seperti Hj. Jamaludin Yusof dan Kapt. Sukhbir Singh untuk menjalankan audit di syarikat-syarikat besar seperti MISC, Intra Oil, Star Cruise dan juga syarikat di luar negara.

**Tindakan:** Makluman.

4.8.2 Pengarah Bahagian Kawalan Industri memaklumkan bahawa satu Road Tour telah diadakan di Lumut untuk memberi gambaran sebenar berkenaan pelaksanaan standard yang perlu dipatuhi untuk kapal-kapal yang berdaftar di bawah pendaftaran boleh tamat kepada operator feri. Kempen kesedaran dan keselamatan feri juga diadakan (Kempen Ambil Tau) yang telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah.

**Tindakan:** Makluman.

4.8.3 Perkakasan pencetakan kad pelaut telah dibekalkan kepada pejabat pelabuhan yang berkenaan dalam tahun 2007.

**Tindakan:** Makluman.

4.8.4 Semua pejabat pelabuhan di wilayah telah mempamerkan nombor telefon pegawai yang boleh dihubungi pada waktu cuti dan selepas waktu pejabat untuk kemudahan pelanggan.

**Tindakan:** Makluman.

4.8.5 BHEPP sedang dalam semakan dan perbincangan untuk melaksanakan pengeluaran sijil kecekapan secara elektronik dimana

tidak memerlukan tandatangan Ketua Pengarah Laut secara manual bagi mempercepatkan tempoh pengeluaran sijil tersebut.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

**5. Laporan Audit Kualiti Dalaman.**

5.1 Mesyuarat dimaklumkan jadual audit kualiti dalaman telah disediakan. Perancangan audit kualiti dalaman akan dilaksanakan pada bulan Februari, Mei dan Ogos bagi tahun 2008. Pelantikan juruaudit juga telah dibuat dan tarikh cadangan adalah pada 26 - 28 Februari 2008 dan 20 - 22 Mei 2008.

5.2 Ringkasan hasil audit dalaman adalah seperti berikut:

Lokasi	Tarikh Audit	Ketakakuran
Persijilan Pelaut (IPL)	11.3.08	5 P
Pemaliman (IPL)	12.3.08	4 P
Pendaftaran Kapal (IPL)	11.3.08	-
Pendaftaran Kapal (JLWT)	26.2.08	4 P
Persijilan Pelaut (JLWT)	27.2.08	3 P
Persijilan Pelaut (Labuan)	26.2.08	3 MnR.; 1 P
Persijilan Pelaut (K. Perlis)	10.3.08	1 MnR.; 3 P
Persijilan Pelaut (Kuah)	11.3.08	2 MnR.; 2 P
Persijilan Pelaut (Lumut)	28.2.08	1 MnR.; 3 P
Persijilan Pelaut (Sandakan)	28.2.08	5 P
Persijilan Pelaut (Tawau)	27.2.08	3 P

MnR. = Minor; P = Pemerhatian.

5.3 Kesemua ketakakuran tersebut masih belum ditutup. Tuan Pengerusi meminta supaya semua Pengarah Wilayah mengambil tindakan segera supaya ketakakuran dapat ditutup dengan kadar segera.

**Tindakan: Pengarah Wilayah.**

**6. Laporan Audit Kualiti Luaran**

6.1 Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa audit kualiti luaran telah dilaksanakan pada 8 - 10 April 2008. Pejabat pelabuhan yang terlibat adalah:

- (a) Pejabat Pelabuhan Sandakan- Persijilan Pelaut (8.4.08)
- (b) Pejabat Pelabuhan Tawau - Persijilan Pelaut (9.4.08)
- (c) Ibu Pejabat Laut - mengikut tema audit iaitu *Increase examination frequency for Certificate of Competency* (10.4.08)

6.2 Pejabat Pelabuhan Sandakan.

- (a) Pemerhatian (RC) - 0804CKF01

*Muhammad Taufan Anugerah (seaman card : 200724003961) was not longer work onboard vessel Soon Hing 87 (Official No : 325648) at the time of renewal. However, old crew agreement was not signed off before new crew agreement (No : 3052) was issued out by Sandakan Port Office on 1 Feb 2008. Neither cover letter nor changes to list of crew (JL/HEPP/D/02) from applicant was available. Further investigation revealed crew sign-off was updated into JALIN system.*

Tindakan: Pengarah Laut Sabah.

- (b) Pejabat Pelabuhan Sandakan memaklumkan bahawa anak kapal tersebut telah "jump ship". Dalam tindakan untuk mengambil tindakan pembetulan dengan bantuan Nakhoda kapal Soon Hing 87.

Tindakan: Pengarah Laut Sabah.

- (c) Ketakakuran Minor (Minor NC) - 0804CKF02

*Three and five Observations (Laporan Ketakakuran) were raised during internal audit held on 27 Feb 08 and 28 Feb 08 at Tawau and Sandakan Port Office respectively had yet to follow up. Corrective action and follow up section of "Laporan Ketakakuran" was not filled up at the time of the audit.*

Tindakan: Pengarah Laut Sabah/Urusetia.

6.3 Pejabat Pelabuhan Tawau.

- (a) Ketakakuran Minor (Minor NC) - 0804CKF02

*Three and five Observations (Laporan Ketakakuran) were raised during internal audit held on 27 Feb 08 and 28 Feb 08 at Tawau and Sandakan Port Office respectively had yet to follow up. Corrective action and follow up section of "Laporan Ketakakuran" was not filled up at the time of the audit.*

Tindakan: Pengarah Laut Sabah/Urusetia.

6.4 Ibu Pejabat Laut.

- (a) Ketakakuran Minor (Minor NC) - 0804CKF02

*Corrective action (Tindakan Pembetulan) was not recorded into "Laporan Ketakakuran" raised during internal audit e.g. Wilayah Utara (3 findings raised on 13 Nov 07), Wilayah Tengah (7 findings raised on 26-27 Feb 08), Unit Bantuan Pelayaran, IPL (4 findings raised on 12 Mar 08), etc. "Laporan Ketakakuran" were not followed up and closed out timely. ISO 9001:2000, clause 8.2.2 required the organisation to ensure that necessary corrective actions are taken without undue delay to eliminate detected non-conformity and their root cause.*

Tindakan: Urusetia.

(b) Pemerhatian (RC) - 0804CKF 03

i. *Oral examination of CoC was also carried out in other Port Offices nationwide as stated in "Lampiran 7" of PT-HEPP-08. However, it is contradicted with procedure PT-HEPP-08 issue 1 clause 6.3 stated that oral examination is carried out at IPL.*

ii. *List of examiners - deck and engine as shown at "Lampiran 3" of PT-HEPP-08 was not updated. Few new examiners were recruited in year 2007.*

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan/Urusetia.

(c) BHEPP telah mengemukakan cadangan pindaan senarai nama pemeriksa bahagian dek dan enjin. Dalam tindakan Urusetia.

Tindakan: Urusetia.

- 6.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit seterusnya (SV4) akan dijalankan pada bulan Oktober 2008. Pejabat Pelabuhan yang terlibat adalah Lumut, Gelugor, Pulau Pinang dan IPL. Tuan Pengerusi meminta supaya pejabat yang terlibat bersedia dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan audit seterusnya berjalan lancar dan tidak menerima ketakakuran dari LRQA.

Tindakan: Makluman.

7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.

7.1 Bahagian Kawalan Industri.

7.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal - Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan Januari hingga Februari 2008 adalah tercapai. Sehingga bulan Februari 2008 sebanyak 12 urusan pendaftaran kapal telah

dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan daftar Kuching dan Kota Kinabalu.

7.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM - sebanyak 14 audit telah dijalankan bagi tempoh Januari hingga Mac 2008. Terdapat 3 buah syarikat yang tidak mencapai objektif kualiti untuk menjalankan audit dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan audit. Syarikat tersebut adalah PSM Perkapalan Sdn. Bhd., Sin Matu Sdn. Bhd. dan Osin Motor Sdn. Bhd.. Objektif kualiti tidak tercapai kerana juruaudit telah menunda tarikh audit (PSM Perkapalan dan Sin Matu) dan pihak syarikat memohon supaya audit ditunda ke tarikh lain (Osin Motor).

Tindakan: Makluman.

7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

7.2.1 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima - sebanyak 258 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 192 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi tempoh suku tahun pertama 2008. Objektif kualiti tercapai.

7.2.2 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun - sebanyak 19 peperiksaan bahagian dek dan 18 peperiksaan bahagian enjin telah diadakan bagi tempoh suku tahun pertama 2008 dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

Tindakan: Makluman.

7.2.3 Mengeluarkan sijil kecekapan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan diterima - sejumlah 903 permohonan diterima bagi tempoh suku tahun pertama 2008. Sebanyak 69 sijil kecekapan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari. Peratus pencapaian adalah 92%. Objektif kualiti tidak tercapai kerana tempoh penghantaran dokumen adalah terlalu bergantung kepada sistem sokongan dari sistem penghantaran melalui pos dan juga terdapat permohonan yang tidak lengkap.

7.2.4 Mengeluarkan Sijil Kursus Modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima - sebanyak 1,782 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 1,647 sijil dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja manakala 135 sijil dikeluarkan melebih tempoh tersebut. Peratus pencapaian adalah 92%. Ini adalah kerana:

- a. permohonan untuk data yang dihantar tidak mempunyai nombor pendaftaran pelaut atau data dihantar tidak lengkap.

- b. pihak sekolah lewat menghantar laporan pengesahan kehadiran kepada pejabat pelabuhan.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

### 7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

7.3.1 Memastikan keberkesanan alat bantuan pelayaran iaitu '*availability/reliability*' mencapai tahap mengikut panduan *International Association of Lighthouse Authorities (IALA)*. Objektif kualiti adalah tercapai.

- a. faktor ketersediaan bagi 11 rumah api di Semenanjung Malaysia adalah 100%.
- b. faktor ketersediaan bagi 49 tandarah suar yang terdapat di Wilayah Tengah ialah 100%.
- c. faktor ketersediaan bagi 64 buah pelampung yang ditempatkan di Wilayah Tengah ialah 99.97%.

7.3.2 Sistem Keselamatan Alur Pelayaran - Projek Pengerukan yang sedang dilaksanakan pada suku tahun pertama 2008 adalah pengerukan kuala Sungai Muar dan kuala Sungai Kedah. Status projek adalah lewat jadual (40% sebenar; 68% jadual) bagi Sungai Muar dan projek siap bagi Sungai Kedah. Projek siap pada 9.2.2008

**Tindakan: Makluman.**

## 8. Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.

### 8.1 Bahagian Kawalan Industri.

8.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, sebanyak 86 borang maklumbalas telah diterima bagi tempoh Oktober 2007 hingga Februari 2008. Secara keseluruhannya maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Tiada cadangan diterima dari pelanggan.

8.1.2 Terdapat 11 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh suku tahun pertama 2008. Secara keseluruhannya maklumbalas yang diterima adalah memuaskan.

**Tindakan: Makluman.**

### 8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

8.2.1 Sebanyak 94 borang maklumbalas telah diterima dari pejabat-pejabat pelabuhan bagi tempoh suku tahun pertama 2008. Terdapat beberapa cadangan dari pelanggan iaitu:

- a. menambah kakitangan di pejabat pelabuhan.

- b. menambah maklumat mengenai perkhidmatan di laman web.
- c. membuat permohonan secara "online" untuk menjimatkan masa dan tenaga.
- d. memproses sijil kecekapan lebih cepat, contoh 1 minggu.

8.2.2 Tuan Pengurus mencadangkan supaya sijil kecekapan pelaut dikeluarkan dalam tempoh yang lebih singkat iaitu kurang dari sebulan. Tempoh sasaran adalah 2 minggu.

8.2.3 Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan juga diminta supaya mengkaji kaedah untuk memudahkan pelanggan membuat permohonan melalui "online" atau pelanggan terus memasukkan maklumat permohonan ke dalam sistem.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.**

**8.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.**

8.3.1 Tiada maklumbalas pelanggan diterima dari bulan Januari 2008 hingga Mac 2008.

**Tindakan: Makluman.**

**9. HAL-HAL LAIN.**

9.1 Tuan Pengurus meminta supaya laporan penilaian pembekal dan perkhidmatan disediakan dengan lebih terperinci seperti tarikh mula dan tamat, kategori perbekalan, perkhidmatan dan kerja serta prestasi baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

**Tindakan: Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan.**

**10. Penutup.**

Tuan Pengurus mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekali lagi beliau meminta supaya semua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya sistem kualiti jabatan berada pada tahap yang tinggi. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.15 petang.